

BreastScreen WA

Screening mammography for women with a family history of breast cancer

Penyaringan Mamografi untuk Wanita dari Keluarga yang mempunyai Sejarah Kanser Payudara



BreastScreen WA ialah satu perkhidmatan penyaringan mamografi percuma bagi wanita. Ini adalah satu pemeriksaan kesihatan penting bagi wanita yang berumur antara 50-69, tetapi wanita yang berumur 40 boleh juga datang untuk pemeriksaan tersebut. Risalah ini boleh menjawab beberapa soalan anda mengenai penyaringan mamografi jika anda mempunyai saudara yang telah menghidap kanser payudara.

Apakah ertiannya mempunyai keluarga yang ada sejarah kanser payudara?

- Sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga anda telah menghidap kanser payudara.
- Apabila beberapa orang dalam keluarga yang sama telah didiagnosis menghidap penyakit yang sama, adalah normal untuk membuat seseorang bertanya-tanya sama ada penyakit itu disebabkan oleh faktor turunan.
- Kanser payudara sendiri tidak boleh diperturunkan, tetapi gen kanser payudara yang cacat boleh diperturunkan. Jika seorang wanita mempunyai gen cacat, maka risikonya meningkat, tetapi belum pasti lagi sama ada dia akan mendapat kanser payudara.
- Kebanyakan kanser payudara berlaku secara kebetulan dan tidak disebabkan oleh faktor genetik. Kanser payudara turunan merupakan hanya 1-5% daripada semua kanser payudara.

Fakta-fakta yang meyakinkan bagi wanita yang keluarganya mempunyai sejarah kanser

Bagi kebanyakan wanita, mengetahui bahawa mereka mempunyai keluarga yang ada sejarah kanser payudara akan menyebabkan mereka berasa bimbang. Namun, adalah penting bahawa mereka mesti ingat:

- Seorang dalam setiap 9 wanita Australia akan mendapat kanser payudara dalam hidup mereka.
- Kanser payudara ialah satu penyakit biasa yang sebahagian besarnya disebabkan oleh umur yang meningkat. Bagi sebahagian besar wanita, penyakit ini berlaku secara kebetulan dan tidak diakibatkan oleh sejarah keluarga.
- Mempunyai ibu atau kakak yang menghidap kanser payudara tidak bererti bahawa anda akan secara automatik mendapat kanser payudara.
- Mendapat kanser payudara tidak bererti anda pasti telah mewarisi gen cacat, atau akan memperturunkannya kepada anak anda.
- Kira-kira 9 daripada 10 orang wanita yang mendapat kanser payudara tidak mempunyai keluarga yang ada sejarah kanser payudara.

Sejarah keluarga anda menjadi lebih penting:

- Apabila lebih daripada seorang saudara di pihak keluarga anda yang sama (pihak ibu atau bapa) telah didiagnosis dengan kanser payudara.
- Apabila saudara-saudara itu telah berumur di bawah 50 tahun ketika mereka didiagnosis buat kali pertama.
- Apabila saudara-saudara dengan kanser payudara itu mempunyai tali persaudaraan lebih rapat dengan anda (saudara kandung daripada saudara sepupu).
- Apabila terdapat kanser payudara di kedua-dua buah dada, kanser payudara lelaki, atau payudara dan kanser ovarи dalam keluarga.

For an appointment phone 13 20 50

Dengan adanya sejarah kanser payudara keluarga bagaimana hal ini mempengaruhi saya untuk menggunakan perkhidmatan BreastScreen WA?

BreastScreen WA mencadangkan penyaringan mamogram tetap setiap dua tahun terutamanya bagi wanita berumur 50-69, kerana penyelidikan menunjukkan bahawa kebaikan penyaringan mamografi adalah paling besar dalam kumpulan umur ini. Wanita berumur 40-49 dan di atas 70 tahun juga digalakkan untuk menghadiri penyaringan mamogram.

BreastScreen WA mengumpulkan maklumat sejarah keluarga semasa penyaringan. Bagi sekumpulan kecil wanita, sifat sejarah keluarga mereka mungkin menghendaki mereka menghadiri penyaringan mamogram dengan lebih kerap.

Jika keluarga saya mempunyai sejarah kanser payudara, pada umur berapa saya mesti memulakan penyaringan, dan berapa kerapnya saya mesti menghadiri penyaringan?

Wanita dari umur 40 dengan sejarah kanser payudara keluarga yang nyata adalah layak untuk mendapat penyaringan setiap tahun jika mereka mempunyai salah satu di bawah ini:

- Seorang saudara terdekat (ibu, saudara perempuan, anak perempuan, ayah, anak lelaki, saudara lelaki) dengan kanser payudara yang telah didiagnosis sebelum umur 50 tahun.
- Seorang saudara terdekat dengan kanser di kedua-dua buah dada (telah didiagnosis pada mana-mana peringkat umur).
- Dua atau lebih saudara terdekat dengan kanser payudara (telah didiagnosis pada mana-mana peringkat umur).

Wanita dengan seorang saudara terdekat yang menghidap kanser payudara pada umur di atas 50, TIDAK menghadapi risiko yang lebih besar berbanding dengan wanita biasa dalam komuniti. Wanita-wanita ini akan ditawarkan penyaringan mamogram setiap dua tahun.

Apa lagi yang patut saya lakukan?

Jika anda bimbang akan sejarah kanser payudara keluarga anda, anda mesti membincangkan keadaan-keadaan individu anda dengan doktor anda. Jika terdapat kes baru mengenai kanser payudara yang telah didiagnosis dalam keluarga anda, maka adalah penting bagi anda untuk memberitahu BreastScreen WA dan doktor keluarga anda.

Jangan lupa, Sentiasa Ambil Perhatian Pada Payudara:

- Lihat dan rasa untuk mencari sebarang perubahan dalam payudara yang tidak normal bagi anda.
- Berjumpa dengan doktor keluarga anda jika anda mendapati sebarang perubahan dalam payudara anda.
- Minta doktor keluarga anda memeriksa payudara anda dengan tetap.

Ada soalan-soalan lagi?

Kakitangan di BreastScreen WA berasa gembira untuk menjawab sebarang soalan yang anda kemukakan. Sila hubungi (08) 9323 6700 atau bagi wanita di desa hubungi talian tollfree 1800 800 033. Nombor TTY ialah 1800 241 708.

Anda boleh membuat janji temu dengan menghubungi 13 20 50 (bayaran untuk panggilan lokal saja)

Jika anda memerlukan perkhidmatan juru bahasa percuma, sila hubungi Perkhidmatan Juru Bahasa (TIS) terlebih dahulu di 13 14 50 dan minta disambungkan ke perkhidmatan tempahan di 13 20 50.



Department of
Health



www.breastscreen.health.wa.gov.au

© BreastScreen WA, Department of Health

Telephone (08) 9323 6700 Facsimile (08) 9323 6799 TTY 1800 241 708 Bookings 13 20 50



A joint Australian, State and Territory Government Program